



HELAIAN DATA KESELAMATAN

1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Pengecam Produk: NC-702

Nombor SDS: SDS-7191

Tarikh Dikemas Kini:

13 MEI 2021

Kegunaan Produk: Kegunaan Industri (campuran) - Larutan pembersihan fluks

PENGILANG:

Di Amerika:

The Indium Corporation of America
34 Robinson Rd., Clinton, New York 13323
Maklumat: (315) 853-4900
nswarts@indium.com

TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 hrs.
USA: 1 (800) 424-9300
Di Luar AS: +1 (703) 527-3887
Kecemasan China: +86 4001-204937

Di Eropah:

Indium Corporation of Europe
7 Newmarket Ct.
Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG
Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di China:

Indium Corporation (Suzhou) Co., Ltd.
No. 428 Xinglong Street
Suzhou Industrial Park
Suchun Industrial Square
Unit No. 14-C
Jiangsu Province, China 215126
Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

The Indium Corporation of America
Operasi Asia Pasifik Singapura
29 Kian Teck Avenue
Singapura 628908
Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALAN BAHAYA

LALUAN MASUK UTAMA:

⊕Mata ⊕Penyedutan ⊕Kulit ⊕Oral

Karsinogen disenaraikan dalam

NTP IARC OSHA ⊕Tidak Tersenarai

GHS:

Pengelasan:

Perengsa kulit- Kategori 1B

Perengsa mata- Kategori 2A

Ketoksikan akuatik akut- Kategori 1 (H400)

Ketoksikan akuatik kronik- Kategori 1 (H410)



Kata Isyarat: Amaran

Pernyataan(-pernyataan) Bahaya

H315 Menyebabkan kerengsaan kulit
 H319 Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
 H410 Toksik kepada hidupan akuatik dengan kesan untuk jangka masa panjang

Pernyataan(-pernyataan) berjaga-jaga

P233 Pastikan bekas ditutup rapat
 P261 Elakkan daripada tersedut habuk/wasap/gas/kabus/wap/semburan
 P270 Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
 P273 Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran
 P280 Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perlindungan mata/pelindungan muka
 P362 + P364 Tanggalkan pakaian tercemar dan basuh sebelum menggunakannya semula
 P301 + P314 JIKA TERTELAN: Dapatkan nasihat/rawatan Perubatan jika anda rasa tidak sihat
 P302 + P352 JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak
 P304 + 341 JIKA TERHIDU: Jika mangsa sukar bernafas, pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan yang selesa untuk mangsa
 P305 + 351 JIKA TERKENA MATA: Bilas secara berterusan dengan air selama beberapa minit (15 minit)

KESAN-KESAN KESIHATAN BERPOTENSI:

Terkena Mata: Merengsakan mata. Semburan atau cecair boleh menyebabkan kerosakan kepada mata.

Oral: Boleh memudaratkan jika tertelan.

Penyedutan: Boleh menyebabkan kerengsaan.

Terkena Kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan kulit.

NOTA: The Indium Corporation tidak mengesyorkan, mengilang, memasarkan atau mengendors produknya untuk kegunaan manusia.

3. KOMPOSISI / MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Komponen	% wt	CAS Registry	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
POLIGLIKOL ETER	65-75	9038-95-3	N.E	N.E	N.E.
ALKOHOL ALIFATIK C16-18	25-35	68439-49-6	N.E.	N.E.	N.E.

N.E. = Belum ditetapkan

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN KECEMASAN

- Terkena Mata:** Angkat kelopak mata dan bilas mata dengan air suam sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika kerengsaan berterusan.
- Oral:** Jika pesakit sedar, HANYA cetuskan muntah seperti yang diarahkan oleh kakitangan terlatih. JANGAN memberi apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Penyedutan:** Pindahkan ke kawasan berudara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan bantuan atau oksigen oleh kakitangan terlatih. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Terkena Kulit:** Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terjejas dengan sabun dan air. Basuh pakaian sebelum dipakai semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM API

- Takat Kilat:** Belum ditetapkan. **Kaedah:** Tidak tersedia.
- Suhu Pencucuhan Auto:** Belum ditetapkan.
- Had Mudah Terbakar:** Had belum ditetapkan. Tidak mudah terbakar
- Bahan Pemadam Api:** Gunakan alat pemadam yang sesuai bagi keadaan persekitaran kebakaran. Busa, kimia kering, semburan air.
- Prosedur Memadam Api Khas:** Ahli bomba hendaklah memakai alat pernafasan serba lengkap dan pakaian perlindungan yang lengkap yang diluluskan NIOSH. Kosongkan kawasan dan padamkan api dari jarak yang selamat. Bekas-bekas boleh menyimpan tekanan jika terdedah kepada haba (api) atau nyalaan.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TAK SENGAJA

Prosedur Kebocoran atau Tumpahan: Pakai alat pernafasan dan perlindungan diri yang sesuai (Lihat Bahagian Kawalan Pendedahan/Perlindungan Diri). Saiz tumpahan akan menentukan perlindungan pernafasan daripada penulenan udara sehingga ke alat pernafasan serba lengkap. Halang kakitangan yang tidak berkaitan dan tidak dilindungi daripada memasuki kawasan tumpahan. Serap tumpahan dengan bahan lengai (cthnya., pasir kering atau tanah), kemudian masukkan ke dalam bekas sisa kimia. Lupuskan yang berikut mengikut semua peraturan Kebangsaan, Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Jangan biarkan bahan memasuki laluan air. Mengandungi bahan kimia yang membahayakan kehidupan akuatik (pencemar kehidupan marin).

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

- Langkah Berjaga-jaga Pengendalian:** Pastikan bekas-bekas ditutup rapat apabila tidak digunakan. Berhati-hati untuk mengelakkan tumpahan. Elakkan daripada menyedut wap dari bahan yang dipanaskan. Elakkan terkena mata, kulit dan pakaian. Guna dengan pengudaraan yang cukup. Jauhkan daripada sumber haba dan api.
- Langkah berjaga-jaga Penyimpanan:** Simpan produk di dalam bekas asal yang tertutup rapat di tempat yang sejuk dan kering. Jauhkan daripada haba dan api. Simpan jauh dari bahan-bahan yang tidak sesuai. Bekas-bekas kosong mungkin berbahaya kerana ia mengandungi sisa produk. Simpan di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

- Kawalan Kejuruteraan:** Ventilasi ekzos perlu mencukupi untuk mengawal paras bawaan udara dan mengekalkan

pendedahan pada tahap yang serendah yang mungkin. Ventilasi ekzos yang baik direka untuk bahan kimia berbahaya diperlukan supaya mempunyai halaju muka sekurang-kurangnya 100 kaki seminit.

Perlindungan diri:

- Mata:** Cermin mata/gogal keselamatan bahan kimia. Pelindung muka untuk bahaya percikan.
- Respirator:** Alat pernafasan pemurni udara yang diluluskan atau mematuhi pihak berkuasa dengan kartrij wasap organik disyorkan dalam keadaan tertentu di mana kepekatan udara dijangka meningkat. Kawasan tertutup memerlukan perlindungan tambahan. Gunakan di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik. Nilai tempat kerja sebelum memulakan kerja.
- Kulit:** Sarung tangan tahan kimia yang sesuai. Pakaian perlindungan luaran, apron dan baju berlengan yang sesuai.
Pelindung muka untuk bahaya percikan. Elakkan pengendalian tanpa perlindungan.
- Lain-lain:** Pancuran air untuk mata di tempat kerja. Elakkan penggunaan kanta lekap di kawasan-kawasan wasap/percikan tinggi.
- Amalan-amalan Kerja/Kebersihan:** Mengekalkan perkemasan yang baik. Serta-merta bersihkan tumpahan. Elakkan daripada makan, merokok atau minum di kawasan tempat kerja. Mencuci tangan secara teliti dengan sabun dan air serta-merta apabila meninggalkan kawasan tempat kerja.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa:	Cecair	Takat Didih:	Tidak tersedia
Bau:	Bau berciri ringan.	Takat Lebur:	Tidak berkenaan
Graviti Khusus:	0.9~1 g/cc	pH:	6-8
Tekanan Wap:	Tidak berkenaan.	Keterlarutan dalam Air:	Tidak Larut
Ketumpatan Wap:	((udara=1) Tidak berkenaan.		

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Umum:	Stabil.
Kedadaan-keadaan yang perlu Dielakkan:	Suhu tinggi, nyalaan terbuka.
Bahan-bahan Tidak Serasi:	Agen-agen pengoksidaan yang kuat
Penguraian / Pembakaran Berbahaya:	Karbon monoksida/karbon dioksida
Pempolimeran Berbahaya:	Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan:	NTP: Tidak		
	OSHA: Tidak		
	IARC: Tidak		
LD50:	Tidak ditetapkan.	LC50:	Tidak ditetapkan.

Produk belum diuji.

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Produk belum diuji.

Mengandungi bahan kimia yang membahayakan kehidupan akuatik. Mengandungi bahan kimia yang dinilai sebagai pencemar kehidupan marin teruk.

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Kaedah Pelupusan Bahan Sisa: Lupus mengikut undang-undang alam sekitar Wilayah, Negeri dan Setempat.

Bahaya alam sekitar tidak boleh dikecualikan dalam hal pengendalian atau pelupusan yang tidak profesional.

Mengandungi bahan kimia yang membahayakan kehidupan akuatik.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Angkut mengikut peraturan dan syarat antarabangsa yang berkaitan.

UN3082, Bahan berbahaya untuk alam sekitar, cecair, N.O.S., 9, PGIII (alkilfenol) (Pencemar Marin Teruk)



PENGHANTARAN IMDG

UN3082, Bahan berbahaya untuk alam sekitar, cecair, N.O.S., 9, PGIII (alkilfenol) (Pencemar Marin Teruk)



15. MAKLUMAT PERATURAN

Maklumat Helaian dalam Data Keselamatan ini memenuhi keperluan peraturan the United States Occupational Safety and Health Act dan peraturan yang diisytiharkan di bawah ini (29 CFR 1910.1200 ET. SEQ.).

SARA 313 Listing - 40 CFR 372.65 - TIADA

Semua ramuan telah disenaraikan dalam: Inventori EPA TSCA.

Produk ini telah dikelaskan sebagai kriteria bahaya mengikut Canadian Controlled Products Regulation (CPR).

WHMIS Kanada: tiada pengelasan

Produk ini telah dikelaskan di bawah peraturan-peraturan Mexico NOM-018-STPS-2015 dan NOM-010-STPS-2014.

Produk ini telah dikelaskan menggunakan Chinese Occupational Exposure Limit for Hazardous Agents in the Workplace,

Produk ini telah dikelaskan di bawah: Malaysia – PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PENGELASAN, PELABELAN DAN HELAIAN DATA KESELAMATAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA) 2013 – (CLASS).

16. MAKLUMAT LAIN

Kadar Bahaya HMIS:	Kesihatan:	2
	Kebakaran:	1
	Bahaya Fizikal:	0
Tarikh Dikemas Kini:	13 MEI 2021	
Disediakan oleh:	Nancy Swarts, Indium Corporation of America	
Diluluskan oleh:	Nancy Swarts, Indium Corporation of America	

Maklumat dan saranan yang terkandung dalam dokumen ini, mengikut pengetahuan dan kepercayaan The Indium Corporation of America, adalah tepat dan boleh dipercayai pada tarikh dikeluarkan. The Indium Corporation of America tidak mengesahkan atau menjamin ketepatan atau kebolehpercayaan maklumat dan saranan ini, dan The Indium Corporation of America tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang berpunca daripada hal ini. Maklumat dan saranan ini ditawarkan untuk dipertimbangkan dan disemak oleh, dan pengguna bertanggungjawab pengguna untuk memutuskan sama ada pengguna tersebut berpuas hati tentang kesesuaian dan kesempurnaannya untuk kegunaan yang tertentu. Jika pembeli membungkus semula produk ini, penasihat undang-undang hendaklah dirujuk untuk memastikan maklumat kesihatan, keselamatan dan maklumat lain yang betul telah disertakan pada bekas.